



UiTM@Media **2016**

Rencana Pilihan



UiTM@Media
2016

PENANGGUHAN YANG WAJAR

Oleh AKMAL HISHAM
ABDUL RAHIM

KEPERLUAN modal insan dalam kapasiti besar adalah antara ciri-ciri sebuah negara yang sedang membangun. Kriteria ini juga dilalui oleh negara kita yang berusaha untuk mencapai status negara maju dalam jangka masa yang digariskan.

Namun, ia juga mewujudkan dilema kerana mungkin menjadi satu penyelesaian sementara yang bakal menjadi bebanan berpanjangan. Hal ini kerana kebanjiran pekerja asing termasuk juga yang masuk tanpa izin memberi kesan kepada beberapa gejala sosial. Oleh itu, lontaran hasrat kerajaan untuk membawa masuk pekerja asing mutakhir ini telah menimbulkan polemik yang hangat dalam kalangan rakyat.

Usaha kerajaan untuk membawa pekerja asing dari Bangladesh adalah berasaskan permintaan daripada majikan terutama dalam industri pembinaan yang 80 peratus buruhnya warga asing. Perkembangan ini membawa kepada persefahaman yang dilakukan pada 18 Februari lalu yang menyaksikan Kerajaan Malaysia diwakili oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan kerajaan Bangladesh untuk membawa sejumlah 1.5 juta pekerja negara itu ke Malaysia dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Usaha itu ditangguhkan sehari selepas itu apabila Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Zahid Hamidi menyatakan kajian lebih terperinci diperlukan sebelum langkah tersebut diteruskan. Bagi melihat kewajaran membawa masuk pekerja dari Bangladesh ini, beberapa perkara perlu diberi penilaian.

Perancangan untuk membawa sejumlah besar pekerja dari Bangladesh ini pada asalnya dilontarkan oleh Ahmad Zahid sendiri selaku Menteri Dalam Negeri pada pertengahan 2015 lagi, atas alasan terdapat permintaan yang mendesak daripada pihak swasta atau majikan dalam sektor tertentu seperti perkilangan, pembinaan, perlombongan, pertanian serta perkhidmatan, yang dikategorikan sebagai sektor 3D (*Dangerous, Dirty dan Difficult*) - atau dalam bahasa Melayunya, bahaya, kotor dan sukar - kerana kurang mendapat sambutan dalam kalangan warga tempatan.

Rakyat dan pemimpin masyarakat memberikan pelbagai reaksi terhadap cadangan itu. Kerajaan Negeri Sabah umpamanya mengambil pendekatan berbeza dengan Kerajaan Pusat apabila tidak membenarkan kemasukan pekerja dari Bangladesh ke negeri itu.

Menurut Menteri Pembangunan Sumber Manusia dan Teknologi Maklumat Negeri, Datuk Siringan Gubat, pendirian itu diambil oleh

kerajaan negeri sejak tiga tahun lepas dan sehingga kini masih berjalan bagi memberi keutamaan kepada pekerja tempatan yang dilihat mampu dan lebih mahir dalam sektor 3D.

Dalam sektor perkilangan automatik pula, Perodua misalnya mengambil pendekatan tidak mengambil pekerja asing dan mengutamakan warga tempatan untuk bekerja dengan memberi latihan agar meningkatkan mutu dan prestasi kerja mereka.

Tidak dinafikan kemungkinan terdapat keperluan untuk mengambil pekerja asing dalam sektor 3D yang secara langsung menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhan. Namun memandangkan antara kerisauan adalah cara kemasukan 1.5 juta pekerja ini, kerajaan diharapkan lebih teliti termasuk mengambil kira saranan Persatuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM) yang mahukan proses pengambilan dijamin cekap dan telus tanpa melibatkan orang tengah. FMM turut menuntut agar pihak majikan diberi peluang memilih dan menemubual pekerja asing terbabit terlebih dahulu.

Sebagai insentif kepada majikan yang mengambil warga tempatan bekerja pula, kerajaan boleh memberikan pengecualian cukai kepada lima sektor (pembinaan, perkilangan, perladangan, pertanian dan perkhidmatan) terbabit. Ini sudah pasti dapat mengurangkan kadar pengangguran sedia ada dan memberi ruang kepada mereka yang ingin bekerja dalam bidang ini.

Tidak dapat dinafikan sektor 3D ini amat sukar dan mencabar. Justeru perlu diwujudkan insentif atau bantuan kepada belia atau warga

tempatan yang menceburi bidang ini. Di Jepun, Korea Selatan dan kebanyakan negara maju di rantau ini, warga tempatan yang mengisi jenis pekerjaan seperti pembinaan dan pertanian, menerima gaji atau upah yang kompetitif selain dilindungi insurans sekiranya berlaku perkara tidak diingini.

Dilaporkan sehingga kini terdapat lebih dua juta warga asing yang bekerja di Malaysia secara tidak sah di samping mereka yang berdaftar dan bekerja secara sah sekitar dua juta lagi. Jika jumlah ini kita gabungkan, maka pendatang asing yang bekerja di Malaysia adalah sekitar empat juta! Jumlah ini amat menggerunkan kerana peluang pekerjaan di Malaysia kini telah diambil oleh warga asing.

Sekiranya jumlah pekerjaan dalam sektor 3D ini adalah kecil nisbahnya berbanding jumlah warga asing di negara kita, sudah tentu pihak majikan ada kelebihan untuk menawarkan gaji yang murah. Apatah lagi terdapat sebilangan majikan yang memang mengambil kesempatan ke atas mereka yang bekerja di negara ini secara haram. Dengan gaji yang murah dan tidak setimpal dengan kerja dilakukan, sudah tentu warga tempatan tidak minat bekerja dalam sektor itu. Sebaliknya bagi warga asing terutama pendatang asing tanpa izin (PATI) sanggup menerima gaji kecil dan membahayakan diri sendiri.

Di sini jelas pihak kerajaan perlu memantau dengan lebih berkesan terhadap majikan yang didapati mengambil kesempatan menggaaji pekerja asing tanpa izin. Sikap tamak dan ingin mendapat keuntungan berlipat ganda hanya akan menjejaskan ekonomi negara dan

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

memburukkan nama Malaysia di persada dunia.

Pihak kerajaan perlu bertindak dengan lebih tegas melindungi pekerja dalam sektor 3D ini dan sekali gus menangkis persepsi negatif sedia ada. Terdapat majikan yang akan menutup sebelah mata akan kebajikan dalam sektor ini dan peranan kerajaan untuk melindungi mereka. Dengan pemantauan berkala dan secara mengejut ke atas tapak sektor 3D ini, para pekerja akan dilindungi dan sekali gus menangkis tanggapan negatif pekerjaan begini.

Selain itu, pemerkasaan terhadap institusi dan agensi yang bertanggungjawab melahirkan pekerja untuk sektor-sektor ini perlu dipergiatkan. Pekerjaan mereka perlu diangkat ke satu tahap yang lebih tinggi selaras dengan Malaysia yang ingin mencapai status negara maju.

Selain itu, program-program di bawah pembangunan koridor tertentu seperti Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) perlu berterusan memberi galakan mewujudkan kawasan industri in situ.

Ini secara tidak langsung dapat menggalakkan industri seperti perkilangan dan pengeluaran mendapatkan tenaga buruh warga tempatan tanpa perlu menanggung kos lain seperti tempat tinggal sekiranya menggaji pekerja asing. Faktor ini juga dapat menarik minat pekerja tempatan kerana kos sara hidup mereka tidak meningkat memandangkan mereka menetap di tempat asal.



WARGA Bangladesh berkumpul di depan pejabat kedutaan negara itu di Kuala Lumpur untuk mendapatkan dokumen sah pada 19 Februari lalu. - UTUSAN/FAISOL MUSTAFA

PENULIS adalah Pensyarah, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Pahang, Kampus Raub.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminalah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

